Clopido Tablet 75mg

Clopidogrel 75mg (as Clopidogrel bisulphate)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunnaan Clopido Tablet 75mg
2. Bagaimana Clopido Tablet 75mg befungsi
3. Sebelum mengamil Clopido Tablet 75mg
4. Cara menggunakan Clopido Tablet 75mg
5. Semasa menggunakan Clopido Tablet 75mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Clopido Tablet 75mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunnan Clopido Tablet 75mg

Clopido digunakan untuk mencegah kejadian thrombosis (pembekuan darah) untuk:

- Orang dengan sejarah serangan jantung, strok, atau penyakit arteri periferal (sakit kaki apabila berjalan atau berehat).
- Orang yang mengalami sakit dada teruk yang dikenali sebagai 'angina tidak stabil' atau 'infarksi miokardium' (serangan jantung), dalam kombinasi dengan asid asetilsalisilik (bahan yang hadir dalam banyak ubat-ubatan yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan demam serta untuk mengelakkan pembekuan darah).

Bagaimana Clopido Tablet 75mg befungsi

Clopido mengandungi Clopidogrel dan tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai produk perubatan antiplatelet. Platelet adalah struktur yang sangat kecil dalam darah yang berkelompok bersama dalam pembekuan darah. Dengan mencegah pengumpalan ini, produk perubatan antiplatelet mengurangkan peluang pembekuan darah daripada terbentuk (proses yang dikenali sebagai trombosis).

Sebelum mengambil Clopido Tablet 75mg

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengguna Clopido:

- Jika anda alah (hipersensitif) terhadap Clopido atau mana-mana bahan-bahan lain ubat ini;
- Jika anda mengalami keadaan perubatan yang sedang menyebabkan pendarahan seperti ulser perut atau pendarahan dalam otak;
- Jika anda menghidap penyakit hati yang teruk.

<u>Mengandung dan menyusukan anak</u>

- Jangan ambil Clopido jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jika anda menjadi hamil apabila mengambil Clopido, berhenti mengambil Clopido dengan segera dan hubungi doktor anda.
- Jangan ambil Clopido jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum mula mengambil

Anda perlu memberitahu doktor anda jika:

- Anda mempunyai risiko pendarahan seperti:
  - Keadaan perubatan yang mendedahkan anda kepada risiko pendarahan dalaman (seperti ulser perut).
  - Gangguan darah yang membuatkan anda terdedah kepada pendarahan dalaman (pendarahan dalam mana-mana tisu, organ atau sendi badan anda).
  - Kecederaan serius kebelakangan ini.
  - Pembedahan baru-baru ini (termasuk pergigian).
  - Pembedahan yang dirancang (termasuk pergigian).
- Mempunyai penyakit buah pinggang atau hati.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang debeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Clopido boleh mengganggu satu sama lain. Ini termasuk:

- Warfarin (ubat pencairan darah)
- Glycoprotein IIb/IIIa inhibitors (ubat antiplatelet)
- Acetylsalicylic acid (ASA) (ubat sakit dan demam)
- Heparin, thrombolytics (ubat untuk mencairkan darah beku)
- Ubat-ubatan anti-radang bukan steroid (NSAIDs) (ubat sakit dan demam)
- Phenytoin (ubat serangan sawan)
- Tolbutamide (ubat kencing manis jenis 2)

Cara menggunakan Clopido Tablet 75mg

Berapa banyak harus digunakan

- Dos biasa Clopido adalah satu 75mg tablet setiap hari.
- Dos permulaan bagi sakit dada dan serangan jantung adalah 300mg dan kemudian 75mg sekali sehari.

Bila perlu digunakan

Teruskan penggunaan Clopido untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
Hendaklah diambil secara oral dengan atau tanpa makanan, dan pada masa yang sama setiap hari.

Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunaka ubat ini.

Clopido Tablet 75mg

Clopidogrel 75mg (as Clopidogrel bisulphate)

- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinnggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor anda atau Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat kerana risiko pendarahan yang meningkat.

Semasa menggunakan Clopido
Perkara yang perlu dilakukan
- Ambil ubat anda mengikut arahan doctor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Clopido.
- Beritahu doctor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda tercedera semasa mengambil Clopido.
- Clopido boleh meningkatkan risiko pendarahan ketika operasi atau kerja-kerja pergigian. Oleh itu, rawatan mungkin perlu dihentikan sebelum pembedahan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Clopido dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai symptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu dan menggunakan jentera
Keupayaan anda untuk memandu atau mengemudi peralatan mesin yang rumit tidak sepatutnya terjejas.

Kesan-kesan sampingan
Seperti semua ubat-ubatan, clopidogrel boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalami ia.

Kesan sampingan yang biasa termasuk:
- Pendarahan (mungkin berlaku di dalam perut atau usus)
- Hematoma (pendarahan yang luar biasa atau lebam di bawah kulit)
- Cirit-birit, sakit abdomen, ketidakhadaman
- Lebam

Ini bukanlah senarai lengkap kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapat maklumat lanjut atau sekiranya anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di sini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Clopido Tablet 75mg
Penyimpanan
Jauhi semua ubat daipada kanak-kanak.
Simpan dibawah suhu 30°C.

Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut
Rupa dan warna produk
Clopido Tablet 75mg berbentuk tablet film-coated, tablet berwarna merah jambu, bulat, biconvex.
Setiap bungkusan mengandungi 28 tablet dalam blister polyamide/aluminium/PVC-aluminium.

Bahan-bahan kandungan
Bahan aktif adalah Clopidogrel. Setiap tablet mengandungi 75mg clopidogrel (sebagai hydrogen sulfate).

Bahan-bahan lain adalah seperti berikut:
Teras tablet: Isomalt (E953), Hydroxypropylcellulose, Low substituted hydroxypropylcellulose and Sucrose fatty acid ester.

Salutan tablet: Hypromellose (E464), Titanium dioxide (E171), Macrogol 400 and iron oxide merah (E172).

Nombor MAL
MAL17085043AZ

Pengilang
Neuraxpharm Pharmaceuticals, S.L
Avda. Barcelona 69
08970 Sant Joan Despí
Barcelona, Spain

Pemegang Pendaftaran Produk
MD Healthcare Sdn Bhd
Suite 9D, Level 9, Menara Ansar
65 Jalan Trus, 80000 Johor Bahru, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
7/8/2023

Nombor Siri
NPRA(R2/1)201117/556